



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
جَابَطَانْ هَالْ إِهْوَلْ أَجَامِعَةِ إِسْلَامِ سَابَاهُ

**KHUTBAH JUMAAT  
PERTAMA DAN KEDUA**

27 JAMADILAKHIR 1444H / 20 JANUARI 2023M

**AMANAH DAN INTEGRITI MEMBINA PERJALANAN HIDUP**

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

**Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:**

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

**KHUTBAH TELAH DISEMAK**

TARIKH DISEMAK : 18/01/2023

PEGAWAI PENYEMAK : .....

**ADAM BIN ABDUL HAI**  
Unit Baitul Hikmah

Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

**KHUTBAH RASMI JHEAINS**

DILULUSKAN PADA : 18/01/2023

DIBACA PADA : 20/01/2023

DILULUSKAN OLEH : .....

**BAHARUDIN H. ALWI**

Ketua Pengarah Pengaruh  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH JUMAAT**  
**AMANAH DAN INTEGRITI MEMBINA PERJALANAN HIDUP**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ (سورة المؤمنون(٢٨) :٨)  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَبْتَقُوا اللَّهَ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُرْحَمُونَ .

**MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala, dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh nikmat iman serta mengecap kejayaan di dunia dan di akhirat. Ketahuilah, kehidupan di dunia ini hanyalah sementara dan akhirat juga tempat yang kekal abadi. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk “**AMANAH DAN INTEGRITI MEMBINA PERJALANAN HIDUP**”.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Integriti adalah sebahagian daripada nilai-nilai penting dan berperanan besar dalam membina tingkah laku dan sahsiah manusia untuk menjadi sempurna. Nilai yang baik (mahmudah) menampilkan norma dan piawaian tingkah laku yang terbaik dalam kehidupan seseorang manusia. Agama Islam juga menekankan soal integriti dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai integriti ini pula terbentuk melalui nilai-nilai amanah, jujur dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.

Seorang yang berintegriti akan berpegang teguh dan jujur serta mempunyai prinsip moral yang tinggi. Kita sentiasa takut dan yakin bahawa Allah Subhanahuwataala akan sering memerhatikan segala tingkah laku dan perbuatan kita. Apabila kita yakin dan faham pada setiap perkara yang halal dan haram, nilai baik pada suruhan dan nilai tidak baik pada larangan, maka sifat amanah akan memimpin kehidupan kita di dunia dan di akhirat kelak.

Sebagai seorang Islam, sebaiknya kita meneladani akhlak Baginda Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam. Di dalam Al-Quran Allah Subhanahuwataala memperakui bahawa Baginda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam adalah contoh teladan yang terbaik untuk diikuti menerusi firman-Nya melalui Surah al-Ahzab, ayat 21 iaitu:

٢١ ﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

**Maksudnya:** “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)” **(QS al-Ahzab (33):21)**

Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam seorang pemimpin yang memenuhi fitrah manusia sejagat melalui sifat-sifat mulia baginda seperti Amanah sehingga digelar Al-

Amin lantaran kejurumannya dalam segala hal. Sudah yakin dan pasti bahawa sifat Amanah tersebut perlulah diidolakan oleh kita sebagai umatnya. Sifat Amanah Baginda perlu diteladani serta diaplikasi dalam kehidupan kerana setiap individu perlu mempunyai integriti yang tinggi dalam membuat sebarang kerja walaupun sekecil-kecil tanggungjawab. Rasulullah Sallallahualaihiwasallam bersabda yang **bermaksud**:

*"Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan yakni bersungguh-sungguh."*

(HR at-Tabarani [897])

### **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Pada era globalisasi ini, semua orang terdedah dengan budaya dan cara kehidupan yang datang daripada pelbagai pihak. Baik budaya yang baik mahupun budaya yang buruk, semuanya dapat meresap masuk dengan mudah dalam diri orang Islam.

Sememangnya tidak mudah untuk memiliki dan kekal istiqamah dalam menerapkan sifat mulia seperti Baginda Nabi Muhammad Sallallahualaihiwasallam. Walaupun Baginda Sallallahualaihiwasallam sudah wafat 1,400 tahun lalu, tetapi tidak mustahil untuk mengembalikan adab dimiliki Baginda pada zaman serba moden ini untuk dijadikan pedoman hidup dalam memperjuangkan keadilan, ketegasan dalam hukum dan bersifat berani. Ia memerlukan kepada jalan mujahadah, iaitu berusaha untuk melawan dan menundukkan kehendak hawa nafsu dengan niat bersungguh-sungguh kerana Allah Subhanahuwataala.

Oleh itu, sifat-sifat integriti seperti amanah, jujur, bertanggungjawab hendaklah mulai dipupuk dari kecil bukan sahaja dari dunia persekolahan, malahan dari kecil masih dibawah jagaan ibu bapa lagi. Sepertimana peribahasa Melayu yang berbunyi "*Melebur buluh biarlah dari rebungnya*", memupuk budaya berintegriti hendaklah bermula dari kecil lagi agar ia berkekalan.

## HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Nilai integriti itu tidak hanya dimaksudkan bertanggungjawab ke atas diri sendiri, malahan kepada persekitaran sekelilingnya juga. Menjaga kebersihan dan keselamatan merupakan hasil kesinambungan daripada penerapan nilai integriti dari pendidikan awal lagi.

Iklim semasa yang semakin mencabar sepatutnya memberi kesedaran untuk kita menjaga alam persekitaran dengan lebih baik. Sesungguhnya alam sekitar ini juga merupakan satu amanah dari Allah Subhanahuwataala yang wajib dipelihara dan dijaga demi kelestarian kehidupan di dunia. Firman Allah Subhanahuwataala dalam surah al-A'raf ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ

الْمُحْسِنِينَ ﴿٥﴾

**Maksudnya:** “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.” **(QS al-A’raf (7):56)**

## HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesimpulannya, Mimbar mengingatkan sidang jamaah jumaat agar:

1. **Pertama**, Sentiasa menjadikan budaya hidup Islam sebagai manhaj dan acuan kehidupan. Sebelum melakukan sesuatu, eloklah berfikir dan mengkaji terlebih dahulu kebaikan dan keburukannya. Letakkan Islam di hadapan kita agar tindakan kita sentiasa betul dan menepati syariat.

2. **Kedua**, pembinaan budaya amanah dan berintegriti ini haruslah bermula dari kecil. Ibu bapa harus sering menunjukkan contoh yang baik serta memberi pendedahan kepada sifat mulia ini. Selain itu, anak-anak ini perlu dipantau dan dididik dengan menjadikan Islam dan al-Quran sebagai pegangan dan panduan.
3. **Ketiga**, pendidikan awal kanak-kanak perlu diberi keutamaan dalam membentuk perkembangan murid melalui program-program kesedaran, aktiviti serta penerapan nilai murni secara sisipan dalam mata pelajaran berkaitan integriti dan amanah, serta menjauhi amalan rasuah selain aspek-aspek penting seperti pemakanan yang halal, kebersihan diri dan keselamatan persekitaran.

Allah Subhanahuwataala berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيَّنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا وَهَمَّهَا

الْإِنْسَنُ صُلِّ إِنَّهُ وَكَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah (tanggungjawab) kepada langit, bumi dan gunung-ganang tetapi mereka enggan untuk memikulnya dan takut terhadapnya lalu dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat jahil.”

(QS al-Ahzab (33):72)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
 الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
 اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسِلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِاْمِرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِئَكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ يَأْمُنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّائِبِينَ  
وَتَابِعِي التَّائِبِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ.اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ  
عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوِهِ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدوْكَ بِكَيِنِدا يَعْ دَفْرُتوَنَ اكْوَعَ وَفَخَامَةَ  
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوانَ يَعْ تَراوِقَاتِمَ يَعْ دَفْرُتوَنَ نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً ، إِنَّكَ رَءُوفُ رَّحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتَنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS  
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com